

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

### Segera pulih ekonomi tingkat semula kuasa beli rakyat



# Segera pulih ekonomi tingkat semula kuasa beli rakyat

Mia Sara  
Mohamad  
Azman,  
Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang

Hari ini sebungkus nasi lemak biasa boleh mencecah hingga RM2.50. Harganya akan meningkat jika ia turut dilengkappan dengan pelbagai hidangan lauk pauk lain misalnya rendang atau ayam goreng. Agak sukar lagi untuk kita memperoleh sebungkus nasi lemak pada harga RM1. Semuanya disebabkan faktor kenaikan harga barang yang menyebabkan penjual nasi lemak pun perlu menaikkan harga.

Kenaikan harga barang dikaitkan dengan inflasi yang lazim diukur melalui pengiraan Indeks harga Pengguna (IHP). Ekonomi sesebuah negara yang mengalami inflasi semestinya akan memberikan kesan besar kepada perbelanjaan isi rumah pengguna.

Dalam konteks ini, lebih 50 peratus perbelanjaan isi rumah digunakan bagi tujuan perbelanjaan makanan minuman, bil utiliti dan petrol.

Inflasi terjadi disebabkan permintaan barang dan perkhidmatan dalam pasaran meningkat secara mendadak yang tidak mampu ditampung oleh bekalan dan penawaran oleh pembekal, peniaga serta penjual.

Keadaan ini akan menyebabkan peniaga dan penjual tiada pilihan, selain terpaksa menaikkan harga barang dan caj perkhidmatan bagi memenuhi permintaan tinggi pelanggan.

Namun, kebimbangan utama apabila harga barang meningkat, pastinya kuasa pengguna untuk membeli berkurangan dan menyebabkan kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Nilai ringgit Malaysia yang terus jatuh menyebabkan pengaliran modal jangka pendek ke luar negara. Keadaan ini secara tidak langsung akan memburukkan imbalan pembayaran negara. Ke banyak barang keperluan perlu diimport, walaupun pada ketika nilai ringgit terus merosot. Ini menyebabkan kos bahan mentah, operasi, tenaga, pengeluaran dan pengedaran meningkat.

Kenaikan harga barang pada hari ini membuatkan kita semakin berhati-hati dan berjimat cermat dalam perbelanjaan. Misalnya lebih kerap membuat perbandingan harga dan mengurangkan tabiat makan di luar.

Namun, apa yang perlu disegerakan adalah merancakkan kembali ekonomi negara dan menarik pelaburan asing.